

Dalam Negeri

MyKasih ringankan beban kewangan keluarga

MELAKA 24 Feb. – Bagi kebanyakan keluarga, perbelanjaan bulanan untuk membeli barangan dapur sudah pasti melebihi RM100, namun buat 100 keluarga miskin dari sekitar Tangga Batu, Tanjung Kling dan Sungai Udang di sini, berbelanja sebanyak RM80 sebulan dianggap sudah memadai.

Melalui program *MyKasih* anjuran Pertubuhan *MyKasih Sayangi Jiran Kita* dengan tajaan Dialog Group, ConocoPhillips dan pasar raya Econsave Sungai Udang di sini, setiap keluarga menerima sumbangan subsidi makanan dan barangan keperluan dapur bernilai RM80 sebulan di pasar raya itu.

Ini bermakna, setiap keluarga berpendapatan kurang RM1,000, ibu tunggal dan orang kurang upaya, boleh membeli barangan keperluan harian RM40 setiap dua minggu dan tidak lagi perlu bimbang tentang masalah kewangan.

MyKasih merupakan program kebajikan pengagihan bantuan tanpa tunai yang membolehkan penerima bantuan membeli barangan keperluan harian melalui *MyKad* mereka mengikut had nilai yang telah ditetapkan.

Ia telah diperkenalkan oleh sebuah syarikat teknologi maklumat (IT), ePetrol Holding Sdn. Bhd. dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) dan

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Menurut seorang peserta program itu, **Teh Boon Heong**, 42, dari Sungai Udang di sini, dia kini sudah tidak bimbang tentang perbelanjaan barangan harian kerana *MyKasih* sudah menyediakan keperluan tersebut demi membantu keluarganya yang sering kesempitan wang.

“Saya mempunyai tiga anak berusia antara dua hingga 15 tahun dan mereka memerlukan pelbagai barangan keperluan. Gaji suami sebagai tukang cat pula tidak menentu, sebab itu perbelanjaan keluarga selalu ada masalah,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Dia amat bersyukur kerana terpilih menyertai program itu kerana ia meringankan beban kewangan yang terpaksa dilalui oleh mereka pada setiap bulan.

Selain Boon Heong, seorang lagi penerima, **Suhaini Abu Bakar**, 41, dari Tanjung Kling berkata, sebelum ini dia sering bingung memikirkan perbelanjaan harian yang perlu disediakan untuk lima anaknya berusia antara dua hingga 16 tahun.

“Pendapatan suami yang bekerja sendiri, tidak tetap dan saya pula tidak bekerja kerana terpaksa menjaga anak yang masih kecil.

“Sumber gaji suami itulah yang perlu digunakan untuk membiayai



TEH BOON HEONG



SUHAINI BAKAR



M. MALA



SEBAHAGIAN daripada penerima dan penaja sumbangan pada pelancaran program *MyKasih* di Sungai Udang, Melaka, semalam.

persekolahan anak dan sebab itu, belanja dapur harian selalu sukar disediakan,” katanya.

Namun, katanya, mujurlah ada pihak yang sudi membantu keluarganya menampung perbelanjaan harian dan diharapkan usaha tersebut dapat diteruskan pada masa depan.

Sementara itu, menurut **M. Mala**, 34, bantuan tersebut mampu membantu perbelanjaan keluarganya.

“Bagi membesarkan dua orang anak yang masih belajar, pendapatan suami sebagai pemandu lori tidak mencukupi kerana ia hanya dapat menampung keperluan sekolah anak-anak.

“Keadaan lebih buruk dengan kenaikan harga barang dan belanja ke-

perluan hidup yang semakin mahal. Saya amat berterima kasih dengan pihak swasta dan *MyKasih* kerana prihatin dengan kesusahan yang dialami oleh keluarga seperti saya,” katanya.

Sementara itu, menurut Pengerusi Pertubuhan *MyKasih*, Ngau Boon Keat, program yang diperkenalkan sejak dua tahun itu bertujuan memberi bantuan makanan kepada masyarakat kurang berkemampuan.

“Setakat ini, kira-kira 5,800 keluarga dari seluruh negara sudah menyertai program *MyKasih* dan selepas ini, kita akan perkenalkan program yang sama ke negeri lain yang menjadi pilihan tajaan, mungkin di Pahang dan Terengganu,” katanya.

Katanya, 100 keluarga yang menerima bantuan itu hari ini boleh membeli barangan keperluan di pasar raya Econsave melalui program sistem ePatrol iaitu menggunakan *MyKad* sebagai baucer pembelian.

Menurut beliau, pihaknya menyasarkan kira-kira 10,000 keluarga di seluruh negara akan menikmati kemudahan *MyKasih* menjelang pertengahan tahun ini.

Kata Boon Keat, *MyKasih* dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan akan memantau transaksi perbelanjaan yang diberikan kepada ibu setiap keluarga bagi memastikan penerima bantuan berbelanja secara berhemah.